

# Abdul Fattah kekal presiden Angkasa

KOSMO 23/7/2017 ms 6.

**KUALA LUMPUR** - Datuk Abdul Fattah Abdullah kekal sebagai Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) selepas dipilih dalam Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-32 di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur di sini semalam.



ABDUL FATAH

Abdul Fattah meraih 3,083 undian sekali gus menewaskan pencabarnya, Dr. Arriffin Mansor yang sekadar mendapat 569 undian.

Jawatan Timbalan Presiden Angkasa pula disandang oleh Mutadho Bahri yang menang tanpa bertanding manakala Mohamad Azmi Omaruddin dan Dr. Mohd. Azlan Yahya pula

dipilih sebagai Naib Presiden Angkasa selepas masing-masing mendapat 2,250 dan 1,712 undi.

Jawatan Pengerusi Persidangan Angkasa dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak (2,309 undi) manakala Mohamad Noor Mohamad pula menjadi Timbalan Pengerusi Presiden Angkasa (297 undi).

Sebanyak 4,016 wakil dari 3,964 buah koperasi hadir pada persidangan tersebut.